Tan Boon Yen dan lain-lain lwn Mayban General Assurance Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO S3–22–98 TAHUN 1997
RAMLY ALI H
10 JANUARI 2003

Had Masa *— Polisi insuran — Bila kausa tindakan bermula — Penanggung insurans menafikan liabiliti atas alasan kematian disebabkan oleh bunuh diri — Kausa tindakan bermula daripada tarikh perlanggaran atau ugutan perlanggaran hak plaintif-plaintif di bawah kontrak — Sama ada kausa tindakan bermula pada tahun 1987 apabila penanggung insurans menafikan liabiliti — Sama ada tindakan semasa yang difailkan oleh plaintif-plaintif pada 1997 telah luput had masa — Akta Had Masa 1953 s 6(1)(a)*

Had Masa *— Polisi insuran — Bila kausa tindakan bermula — Penanggung insurans menafikan liabiliti atas alasan kematian disebabkan oleh bunuh diri — Inkues selanjutnya memutuskan bahawa simati telah dibunuh — Kausa tindakan bermula daripada tarikh perlanggaran atau ugutan perlanggaran hak plaintif-plaintif di bawah kontrak — Sama ada kausa tindakan bermula pada tahun 1987 apabila penanggung insurans menafikan liabiliti — Sama ada kausa tindakan bermula pada 1994 apabila keputusan inkues diketahui — Sama ada inkues satu pra syarat kepada plaintif-plaintif untuk menggunakan hak memfailkan tindakan semasa — Sama ada tindakan semasa difailkan oleh plaintif-plaintif pada 1997 telah luput had masa — Akta Had Masa 1953 s 6(1)(a)*

Insurans *— Kontrak insurans — Fasal pengecualian — Penanggung insurans menafikan liabiliti atas alasan kematian disebabkan oleh bunuh diri — Inkues selanjutnya memutuskan bahawa simati telah dibunuh — Tindakan dimulakan terhadap penanggung insurans untuk bayaran pampasan — Had masa — Sama ada tindakan telah luput had masa — Sama ada kausa tindakan bermula dalam tahun 1987 apabila penanggung insurans menafikan liabiliti — Sama ada kausa tindakan bermula pada 1994 apabila keputusan inkues diketahui — Sama ada inkues satu pra syarat kepada plaintif-plaintif untuk menggunakan hak memfailkan tindakan semasa*

Ini adalah satu tindakan yang dimulakan oleh plaintif-plaintif terhadap defendan untuk bayaran pampasan di bawah satu polisi insurans bertarikh 26 Oktober 1984 yang dikeluarkan oleh defendan untuk hayat seorang bernama Tan Siong Kiat ('simati'). Pada 6 November 1984, simati telah ditemui mati di sebuah hotel dengan beg plastik yang diikat menutupi kepala beliau. Defendan telah dimaklumkan tentang kematian tersebut dan satu tuntutan telah dibuat oleh plaintif-plaintif di bawah polisi insurans tersebut. Melalui sepucuk surat bertarikh 21 Disember 1987, defendan telah memberitahu kepada plaintif-plaintif bahawa ia menafikan liabiliti kerana menganggap kematian simati sebagai bunuh diri dan oleh itu terangkum di bawah peruntukan pengecualian polisi tersebut. Pada 31 Disember 1987, defendan dimaklumkan bahawa satu inkues akan

diadakan untuk menentukan sebab kematian simati. Inkues tersebut telah diadakan pada 1 Disember 1993 dan pada 12 November 1994, di mana majistret telah memutuskan bahawa sebab kematian adalah kerana dibunuh. Walaupun defendan telah dimaklumkan tentang keputusan majistret, ia telah gagal atau enggan untuk membayar pampasan di bawah polisi insurans tersebut. Beberapa mesyuarat juga telah diadakan antara pihak-pihak tersebut dan Bank Negara Malaysia dalam percubaan untuk menyelesaikan pertikaian tersebut tetapi tidak berhasil. Akibatnya, plaintif-plaintif telah memulakan tindakan ini pada 12 Mac 1997 terhadap defendan. Salah satu daripada persoalan yang timbul dalam tindakan ini adalah sama ada tuntutan plaintif-plaintif telah luput had masa.

Diputuskan, menolak tindakan plaintif:

(1) Kausa tindakan plaintif terhadap defendan adalah berdasarkan kepada satu kontrak atau perjanjian yang melibatkan polisi insurans dan dalam keadaan begini, had masa untuk memfailkan tindakan sedemikian adalah seperti yang diperuntukkan di bawah s 6(1)(a) Akta Had Masa 1953 ('Akta tersebut'), iaitu enam tahun daripada bermulanya kausa tindakan terakru (lihat ms 323F–H).

(2) Kausa tindakan (cause of action) adalah merupakan satu set fakta yang memberi kuasa atau hak kepada plaintif untuk memulakan atau menguatkuasakan tuntutan beliau di sisi undang-undang. Sesuatu kausa tindakan bermula dari tarikh mana-mana pelanggaran (infringement) atau ugutan pelanggaran (threat of infringement) hak plaintif di bawah kontrak atau perjanjian berkenaan. Tarikh sebenar sesuatu kausa tindakan yang berdasarkan kontrak atau perjanjian mula terakru adalah tarikh mula-mula yang terawal tuntutan tersebut boleh dibuat (lihat ms 323H, 324C–D, G); *Nasri v Mesah* [1971] MLJ 32; *Reeves v Butcher* [1891] 2 QB 509 dan *Peng Bee Sdn Bhd v Teoh Liong Teh & Ors* [2001] 1 MLJ 1 diikut.

(3) Dalam kes semasa, tarikh terakrunya kausa tindakan plaintif adalah pada 21 Disember 1987 apabila defendan memberitahu kepada plaintif-plaintif bahawa ia menafikan liabiliti di bawah polisi insurans tersebut. Itulah tarikhnya bila hak plaintif di bawah kontrak dan perjanjian insurans berkenaan mula dilanggar (breached) oleh defendan. Isi surat tersebut jelas merupakan satu pelanggaran (infringement) terhadap hak dan kelayakan plaintif untuk mendapatkan pampasan insurans di bawah polisi berkenaan. Oleh itu, tempoh enam tahun seperti yang dinyatakan di bawah s 6(1)(a) Akta Had Masa 1953 (Akta 254) mula berjalan dari tarikh tersebut (21 Disember 1987). Memandangkan plaintif hanya memfailkan tuntutan ini pada 12 Mac 1997,

tindakan tersebut adalah melampaui tempoh had masa (lihat ms 325F–H).

(4) Hujahan plaintif yang mengatakan tempoh had masa patut bermula selepas keputusan inkues yang dijalankan oleh Majistret Petaling Jaya yang menentukan sebab kematian simati, adalah tidak bermerit dan tidak dapat diterima oleh mahkamah. Inkues tersebut telah dijalankan pada 1 Disember 1993 dan keputusannya telah disampaikan pada 12 November 1994. Mahkamah ini berpendapat dan memutuskan bahawa prosiding dan keputusan inkues tersebut tidak sama sekali mengubah kedudukan tempoh bila kausa tindakan mula terakru dan bila tempoh had masa mula berjalan seperti yang dinyatakan di atas. Ini kerana prosiding inkues tersebut adalah merupakan satu prosiding yang berasingan dan tiada kaitan dengan tindakan sivil tuntutan plaintif terhadap defendan di dalam kes ini. Dalam lain perkataan, prosiding dan keputusan inkues tersebut bukan merupakan satu pra-syarat (condition precedent) kepada hak plaintif untuk memfailkan tuntutannya terhadap defendan. Prosiding dan keputusan inkues tersebut, mungkin berguna sebagai salah satu keterangan untuk membantu plaintif membuktikan kesnya terhadap defendan, tetapi bukan merupakan pra-syarat untuk memfailkan tuntutan ke Mahkamah (lihat ms 325I–326C).

[English summary

This action was brought by the plaintiffs against the defendant for payment of compensation under a policy of insurance dated 26 October 1984 issued by the defendant on the life of one Tan Siong Kiat ('deceased'). On 6 November 1984, the deceased was found dead in a hotel with a plastic bag tied over his head. The defendant was duly informed regarding the death and a claim was made by the plaintiffs under the said policy of insurance. By a letter dated 21 December 1987, the defendant informed the plaintiffs that it was denying liability as it deemed the deceased's death as suicide and therefore fell within the exclusion provision of the policy. On 31 December 1987, the defendant was informed that an inquest would be held to ascertain the cause of the deceased's death. The said inquest was held on 1 December 1993 and on 12 November 1994, the magistrate ruled that the cause of death was murder. Although the defendant was informed regarding the magistrate's ruling, it failed or refused to pay the compensation under the insurance policy. Meetings were also held between the parties and Bank Negara Malaysia in an attempt to resolve the dispute but to no avail. Consequently, the plaintiffs commenced this action on 12 March 1997 against the defendant. One of the issues raised in this action was whether the plaintiff's claim was time barred.

Held, dismissing the plaintiffs' action:

(1) The plaintiffs' cause of action was based on a contract or agreement involving a policy insurance and in the circumstances, the time limitation to file the action was governed by s 6(1)(a) of the Limitation Act 1953 ('the Act'), which was six years from the date on which the cause of action accrued (see p 323F–H).

(2) A cause of action was a set of facts that gave a plaintiff the right to commence or enforce its claim under the law. A cause of action accrued from the date of the infringement (or breach) or the threat of infringement of the plaintiffs' rights under a contract or agreement. The actual date on which the cause of action under a contract or agreement accrued was the earliest time at which the action could be brought (see pp 323H, 324C–D, G); *Nasri v Mesah* [1971] MLJ 32; *Reeves v Butcher* [1891] 2 QB 509 and *Peng Bee Sdn Bhd v Teoh Liong Teh & Ors* [2001] 1 MLJ 1 followed.

(3) In the instant case, the plaintiff's cause of action accrued on 21 December 1987 when the defendant informed the plaintiffs that it was denying liability under the policy of insurance. It was on this date that the plaintiffs' rights under the policy of insurance were breached or infringed by the defendant. As such, the six-year limitation period stipulated in s 6(1)(a) of the Act started to run with effect from 21 December 1987. Since the present action was only filed by the plaintiffs on 12 March 1997, the action was time barred (see p 325F–H).

(4) There was no merit to the submission by the plaintiffs that time limitation should only begin to run when the outcome of the inquest was known. The inquest proceedings were not related to the instant action. Although the outcome of the inquest proceedings was useful in assisting the plaintiffs to prove its case against the defendant, it was not a pre-condition to the plaintiffs exercising their rights to file the instant action (see pp 325I–326C).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai polisi insurans, lihat 9 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1999 Reissue) perenggan 2084.

Cases referred to

Bolo v Koklai & Ors LR 57 1 A 325 (dirujuk)
Nasri v Mesah [1971] MLJ 32 (diikut)
Peng Bee Sdn Bhd v Teoh Liong Teh & Ors [2001] 1 MLJ 1 (diikut)
Reeves v Butcher (1891) 2 QB 509 (diikut)

Kes-kes yang dirujuk

Akta Had Masa 1953 s 6(1)(a)
Akta Insuran 1996 s 186(4)

Chan Chew Loong (*CL Chan & Ng*) bagi pihak plaintif.
Andrew Khoo (*Khoo & Sidhu*) bagi pihak defendan.

Ramly Ali H: Tuntutan plaintif terhadap defendan ialah untuk pembayaran pampasan di bawah satu polisi insurans yang telah dikeluarkan oleh defendan atas nyawa simati ('Tan Siong Kiat'). Untuk itu plaintif menuntut perintah-perintah berikut:

(1) satu perisytiharan bahawa terdapat satu amanah nyata dan/atau tersirat dan/atau konstruktif yang diwujudkan memihak Tan Siong Kiat ('simati') dan/atau plaintif ('amanah tersebut') di mana defendan adalah pemegang amanah bagi jumlah RM823,200 yang kena dibayar dan terhutang kepada plaintif di bawah polisi tersebut;

(2) satu perisytiharan bahawa plaintif berhak untuk menuntut terhadap defendan di bawah amanah tersebut satu amaun berjumlah RM823,200;

(3) sebagai alternatif, satu perisytiharan bahawa plaintif berhak dibayar jumlah wang RM823,200 oleh defendan menurut s 186(4) Akta Insuran 1996;

(4) akibat itu, satu perintah bahawa defendan membayar kepada plaintif jumlah RM823,200 menurut amanah tersebut;

(5) gantirugi am akibat kemungkiran amanah tersebut;

(6) faedah pada kadar 8% setahun atas jumlah-jumlah tersebut di atas dari tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian sepenuhnya; dan

(7) kos.

Latar belakang dan fakta kes

Kedua-dua plaintif dan defendan telah bersetuju dengan fakta-fakta kes seperti berikut:

Plaintif pertama dan plaintif kedua adalah pentadbir-pentadbir bagi harta pesaka simati.

Plaintif ketiga adalah, pada setiap waktu material, merupakan isteri dan balu kepada simati.

Plaintif keempat (tarikh kelahiran pada 21 Julai 1982) yang berusia lebih kurang dua tahun pada tarikh kematian simati adalah, pada setiap waktu material, merupakan anak simati.

Simati adalah seorang pengarah di Leadfield Holdings (M) Sdn Bhd ('syarikat tersebut') dan pengarah di syarikat-syarikat subsidiari atau bersekutu kepada syarikat tersebut.

Satu polisi insurans Kemalangan Peribadi Kumpulan (Group Personal Accident) No 431-0018105/84 bertarikh 26 Oktober 1994 ('polisi tersebut'), telah diambil oleh syarikat tersebut dengan defendan di mana syarikat tersebut telah, antara lainnya, menginsurankan nyawa pengarah-pengarah, pekerja-pekerja dan pengedar-pengedarnya serta di syarikat-syarikat subsidiari dan/atau bersekutunya ('mereka yang diinsurankan'), bagi jumlah-jumlah dan premium-premium sedemikian dan atas terma-terma dan syarat-syarat sedemikian yang dinyatakan di dalamnya.

Perlu ditegaskan di sini bahawa di bawah Pelan Manfaat Perubatan (Medical Benefits Plan) yang diperuntukkan di bawah polisi tersebut, suami isteri serta anak-anak pengarah-pengarah syarikat tersebut juga turut diinsurankan.

Terma-terma material polisi tersebut adalah, antara lainnya, seperti berikut:

(i) polisi tersebut adalah sah bagi tempoh 1 Januari 1984 hingga 31 Disember 1984;

(ii) premium tahunan polisi tersebut adalah RM18,396.76 dan telah dibayar dengan sempurna oleh syarikat tersebut dan diakui terima oleh defendan;

(iii) skala faedah (Kematian dan Ketakupayaan Seumur Hidup Skala II) (Death and Permanent Disability Scale II) berhubung dengan insurans nyawa setiap seorang dari pengarah-pengarah syarikat tersebut adalah empat kali ganda gaji tahunannya;

(iv) sekiranya dalam tempoh insurans, mereka yang diinsurankan mengalami kecederaan fizikal sepertimana yang ditafsirkan dalam jadual, defendan akan membayar kepada syarikat tersebut jumlah-jumlah seperti yang ditetapkan dalam jadual pampasan menurut skala faedah (Scale of Benefits); dan

(v) Jadual Pampasan, Bahagian I menyatakan bahawa sekiranya kematian berlaku dalam tempoh dua belas bulan kalender dari berlakunya kecederaan fizikal, faedahnya (benefits) adalah seperti yang dinyatakan dalam senarai yang disertakan, iaitu empat kali ganda gaji tahunannya;

Pada setiap waktu material, syarikat tersebut telah mengambil polisi tersebut untuk dan/atau bagi pihak dan/atau demi kepentingan harta pesaka mereka yang diinsurankan dan/atau demi kepentingan harta pesaka mereka yang diinsurankan. Seperti yang dinyatakan di atas, suami isteri serta anak-anak pengarah-pengarah syarikat tersebut juga turut diinsurankan di bawah

A Pelan Manfaat Perubatan (Medical Benefits Plan) yang diperuntukkan di bawah polisi tersebut.

Pada setiap waktu material dan khususnya ketika tempoh polisi tersebut, simati adalah pengarah syarikat tersebut dan juga pengarah kepada syarikat-syarikat subsidiari/bersekutunya dan telah, pada setiap
B waktu material, merupakan salah seorang dari mereka yang diinsurankan di bawah polisi tersebut di bawah kategori 'Pengarah'.

Pada atau lebih kurang pada 6 November 1984, simati telah dijumpai mati di sebuah bilik suite di Hotel PJ Hilton dengan sebuah beg plastik terikat di sekeliling kepalanya.

C

Pada waktu material, simati adalah pengarah syarikat tersebut dan pengarah di syarikat-syarikat subsidiari/bersekutunya menerima gaji tahunan berjumlah RM205,800.

Defendan telah dimaklumkan tentang kematian simati dan berdasarkan
D polisi tersebut, plaintif telah menuntut terhadap defendan untuk pembayaran pampasan. defendan enggan membuat bayaran kepada plaintif atas alasan bahawa simati telah membunuh diri dan bukan dibunuh menurut pengecualian a(ii) polisi tersebut.

Pada 31 Disember 1987, defendan telah diberitahu oleh Jabatan
E Peguam Negara bahawa arahan telah diberi kepada Majistret Petaling Jaya untuk mengadakan suatu inkues ke atas kematian simati untuk menentukan sebab kematian.

Inkues ke atas kematian simati telah diadakan mulai 1 Disember 1993. Pada 12 November 1994, berdasarkan penyiasatan dan keterangan saksi-
F saksi yang berkenaan, termasuk saksi-saksi pakar dan lawatan ke tempat kejadian, majistret telah memutuskan bahawa sebab kematian simati adalah pembunuhan.

Defendan telah diberitahu akan keputusan Majistret Petaling Jaya bertarikh 12 November 1994.

G

Defendan masih gagal, enggan dan/atau abai untuk membayar kepada plaintif pampasan yang diperuntukan di bawah polisi tersebut berjumlah RM823,200.

Plaintif telah memulakan tindakan ini terhadap defendan menuntut
H bayaran pampasan di bawah polisi tersebut pada 12 Mac 1997.

Isu-isu yang dipertikaikan

Isu-isu yang dipertikaikan adalah:

I

(i) sama ada simati telah membunuh diri dan oleh itu bukan satu risiko yang dperuntukkan di bawah pengecualian a(ii) polisi tersebut;

(ii) sama ada tuntutan plaintif dihalang oleh had masa (time barred); dan

(iii) sama ada plaintif mempunyai kausa tindakan terhadap defendan.

Di peringkat pengurusan kes, kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan bahawa kesemua dokumen yang dkemukakan oleh kedua-dua pihak di dalam tindakan ini diterima sebagai dokumen-dokumen yang dipersetujui (agreed documents) di mana dokumen-dokumen asal tidak perlu dikemukakan dan pembuat dokumen-dokumen tersebut tidak perlu dipanggil. Fakta-fakta di dalam tindakan ini juga tidak dipertikaikan. Kedua-dua pihak telah diminta untuk menyediakan hujahan bertulis masing-masing, tanpa perlu memanggil, mendengar dan merekodkan keterangan-keterangan daripada saksi-saksi.

Pendapat mahkamah

Walaupun terdapat tiga isu yang dibangkitkan di dalam tindakan ini, mahkamah berpendapat dan memutuskan bahawa di peringkat ini mahkamah akan menimbang dan memutuskan isu kedua terlebih dahulu, iaitu sama ada tuntutan plaintif dihalang oleh had masa (time barred). Sekiranya mahkamah memutuskan bahawa tindakan dan tuntutan plaintif adalah dihalang oleh had masa (time barred) maka tindakan plaintif akan ditolak dengan kos, tanpa keperluan mahkamah meneruskan penentuan ke atas isu-isu yang lain. Mahkamah hanya akan meneruskan penentuan ke atas isu-isu yang lain sekiranya mahkamah berpuashati dan memutuskan tindakan dan tuntuan plaintif tidak dihalang oleh had masa (time barred).

Sama ada tuntutan plaintif dihalang oleh had masa

Peguam defendan menghujahkan bahawa tuntutan plaintif di dalam tindakan ini adalah dihalang oleh had masa (time barred), di bawah s 6(1)(a) Akta Had Masa 1953 kerana ianya hanya difailkan selepas tamat tempoh enam tahun daripada bermulanya kausa tindakan terakru. Mengikut peguam defendan, defendan telah menolak liabiliti ke atas tuntutan plaintif melalui surat mereka kepada peguamcara plaintif bertarikh 21 November 1987, manakala plaintif hanya memfailkan tuntutan mereka pada 12 Mac 1997, iaitu hampir sepuluh tahun selepas penolakan tersebut.

Peguam plaintif pula menghujahkan bahawa tuntutan plaintif adalah di dalam had masa yang diperuntukkan. Mengikut plaintif kelewatan memfailkan tuntutan ini adalah kerana defendan telah menolak tuntutan tersebut atas alasan kematian simati adalah disebabkan 'bunuh diri' iaitu risiko yang dikecualikan di bawah pengecualian (a)(ii) polisi insurans berkenaan. Dalam keadaan sedemikian, plaintif mengatakan mereka terpaksa bergantung kepada keputusan inkues yang dijalankan oleh

A Majistret Petaling Jaya untuk menentukan sebab kematian simati. Plaintif menghujahkan bahawa sehingga sebab kematian simati dapat ditentukan oleh Pihak Berkuasa (Majistret Petaling Jaya), masa tidak mula berjalan. Plaintif juga menghujahkan bahawa tindaklaku defendan menafikan tuntutan plaintif tanpa sebarang pembuktian yang kukuh telah dengan
B secara langsung atau tersirat, menghentikan perjalanan masa. plaintif mengatakan tindaklaku defendan sedemikian boleh dianggap sebagai satu kesalahan (wrong) yang sengaja dilakukan oleh defendan untuk mengelak dari menunaikan tuntutan plaintif dan oleh itu, mengikut plaintif, defendan tidak boleh menikmati dari sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh pihaknya sendiri (a party should not benefit from a wrong
C perpetuated by his own doing). Plaintif juga menghujahkan bahawa sepanjang masa yang material defendan telah mengadakan perundingan dengan plaintif dan Bank Negara Malaysia. Dalam tempoh yang berlarutan tersebut, plaintif menyatakan defendan tidak pernah membangkitkan isu 'had masa'. Plaintif menghujahkan bahawa perbuatan
D defendan mempelawa plaintif untuk mengadakan perundingan telah mencerminkan satu gambaran dan membawa harapan kepada plaintif bahawa tuntutan plaintif akan dilayan.

Walau bagaimanapun, defendan pula menjawab bahawa apa-apa perundingan di antara plaintif, Bank Negara Malaysia dan defendan
E adalah dijalankan atas dasar 'Tanpa Prejudis' dan oleh itu, tidak boleh dirujuk oleh plaintif untuk menegaskan bahawa defendan tidak boleh bergantung kepada pembelaan 'had masa'. Mengikut defendan lagi, perundingan tersebut bukanlah suatu 'waiver' kepada hak defendan untuk menimbulkan dan bergantung kepada pembelaan tersebut.

F Kausa tindakan plaintif terhadap defendan adalah berdasarkan kepada satu kontrak atau perjanjian yang melibatkan polisi insurans Kemalangan Peribadi Kumpulan No 431-0018105/84 bertarikh 26 Oktober 1984. Oleh itu, had masa untuk memfailkan tindakan sedemikian adalah seperti yang diperuntukkan di bawah s 6(1)(a) Akta Had
G Masa 1953 yang menyatakan:

> Save as hereinafter provided the following actions shall not be brought after the expiration of six years from the date on which the cause of action accrued, that is to say:
>
> (a) actions founded on a contract or on tort;

H

Soalnya ialah bilakah tempoh enam tahun tersebut bermula? Atau bilakah sebenarnya tarikh terakrunya kausa tindakan (the date on which the cause of action accrued)? Kausa tindakan (cause of action) adalah merupakan satu set fakta yang memberi kuasa atau hak kepada plaintif untuk
I memulakan atau menguatkuasakan tuntutan beliau di sisi undang-undang. Mahkamah Persekutan di dalam kes *Nasri v Mesah* [1971] MLJ 32, pernah menyatakan di ms 34:

> A 'cause of action' is the entire set of facts that give rise to an enforceable claim; the phrase comprises every fact which, if traversed, the plaintiff must prove in order to obtain judgment.

Dari segi undang-undang, istilah-istilah 'cause of action', 'right to sue', dan 'right of action' adalah membawa makna yang sama. Perkara ini telah dinyatakan oleh Gill FJ di dalam kes *Nasri v Mesah* di mana beliau menjelaskan di ms 34:

> It would seem clear, therefore, that the expressions 'the right to sue accrues', 'the cause of action accrues' and 'the right of action accrues' mean one and the same thing when one speaks of the time from which the period of limitation as prescribed by law should run.

Bilakah kausa tindakan (cause of action) bermula?

Berdasarkan authoriti-authoriti yang ada, mahkamah berpendapat bahawa sesuatu kausa tindakan bermula dari tarikh mana-mana pelanggaran (infringement) atau ugutan pelanggaran (threat of infringement) hak plaintif di bawah kontrak atau perjanjian berkenaan. Prinsip sedemikian telah pun diputuskan oleh Majlis Privy di dalam kes *Bolo v Koklai & Ors* LR 57 1 A 325 di mana telah diputuskan:

> There can be no 'right to sue' until there is accrual of the right asserted in the suit and its infringement or at least a clear and unequivocal threat to infringe that right, by the defendant against whom the suit is instituted.

Prinsip bilakah bermulanya terakru kausa tindakan di dalam sesuatu tuntutan yang berlandaskan kontrak atau perjanjian telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam Kes *Nasri v Mesah* di mana Gill FJ memutuskan di ms 34:

> Now, what make possible an action founded on a contract is its breach. In other words, a cause of action founded on a contract accrues on the date of its breach. Similarly, the right to sue on a contract accrues on its breach. In the case of actions founded on contract, therefore, time runs from breach.

Oleh itu, untuk menentukan bilakah tarikh sebenar sesuatu kausa tindakan yang berdasarkan kontrak atau perjanjian mula terakru, mahkamah perlu meneliti bilakah tarikh mula-mula yang terawal tuntutan boleh dibuat. Ini adalah selaras dengan prinsip yang telah diputuskan oleh Lindley LJ di dalam kes *Reeves v Butcher* (1891) 2 QB 509, di mana dinyatakan:

> The right to bring an action may arise on various events; but it has always been held that the statute runs from the earliest time at which an action could be brought.

Prinsip-prinsip di atas telah pun diterimapakai oleh mahkamah.

Rayuan di dalam kes *Peng Bee Sdn Bhd v Teoh Liong Teh & Ors* [2001] 1 MLJ 1 di mana telah diputuskan bahawa bagi tujuan had masa, masa

A mulai diambilkira dari mana-mana pelanggaran (breach or infringement) atau ugutan pelanggaran (threat of infringement) hak plaintif di bawah perjanjian atau kontrak berkenaan.

Di dalam kes sekarang, polisi insurans berkenaan telah dikeluarkan pada 26 Oktober 1984, di antara lain, menginsurankan nyawa pengarah-
B pengarah, pekerja-pekerja serta pengedar-pengedar syarikat Leadfield Holdings (M) Sdn Bhd di mana simati merupakan salah seorang pengurusnya. Nilai yang diinsurankan ialah sebanyak empat kali jumlah gaji tahunannya. Mengikut fakta yang tidak dipertikaikan, simati telah dijumpai mati pada 6 November 1984 di sebuah bilik Suite di Hotel PJ Hilton dengan sebuah beg plastik terikat di sekeliling kepalanya. Tidak
C juga dipertikaikan bahawa defendan telah dimaklumkan tentang kematian simati dan berdasarkan polisi insurans tersebut, plaintif telah menuntut pembayaran pampasan terhadap defendan. Mengikut plaintif, defendan telah enggan membuat bayaran tersebut kepada plaintif atas alasan bahawa simati telah membunuh diri dan bukan dibunuh,
D menurut pengecualian a(ii) polisi insuran tersebut. Mengikut pengecualian a(ii) tersebut, polisi insurans tersebut tidak melindungi kematian yang diakibatkan oleh 'bunuh diri (suicide)'. Melalui surat bertarikh 21 Disember 1997 (ms 20 ikatan dokumen yang dipersetujui) defendan telah menolak liabiliti dengan menyatakan (antara lain) seperti berikut:

E

> Your letter dated 19 October 1987 refers.
>
> On a without prejudice basis, we are enclosing herewith a copy of the requested GPA policy taken up by M/S Leadfield Holdings Sdn Bhd.
>
> However, we wish to highlight here that after a thorough investigation
F into the circumstances of the deceased's death, we are denying liability as we deem the death falls with exclusion a(ii) of the policy.

Berdasarkan prinsip undang-undang yang telah dinyatakan di atas, mahkamah ini berpendapat dan memutuskan bahawa tarikh terakrunya kausa tindakan plaintif di dalam kes ini adalah tarikh surat penolakan
G liabiliti oleh defendan bertarikh 21 Disember 1987. Itulah tarikhnya bila hak plaintif di bawah kontrak dan perjanjian insurans berkenaan mula dilanggar (breached) oleh defendan. Isi surat tersebut jelas merupakan satu pelanggaran (infringement) terhadap hak dan kelayakan plaintif untuk mendapatkan pampasan insurans di bawah polisi berkenaan. Oleh itu, tempoh enam tahun seperti yang dinyatakan di bawah s 6(1)(a) Akta Had
H Masa 1953 mula berjalan dari tarikh tersebut (21 Disember 1987). Plaintif memfailkan tuntutan ini di mahkamah pada 12 Mac 1997 — iaitu lebih kurang sembilan tahun sembilan bulan selepas 21 Disember 1987. Dengan itu, mahkamah memutuskan bahawa tindakan tuntutan plaintif adalah melampaui tempoh had masa enam tahun seperti yang diperuntukkan di
I bawah s 6(1)(a) Akta Had Masa 1953.

Hujahan plaintif yang mengatakan tempoh had masa patut bermula selepas keputusan inkues yang dijalankan oleh Majistret Petaling Jaya

yang menentukan sebab kematian simati, adalah tidak bermerit dan tidak dapat diterima oleh mahkamah. Inkues tersebut telah dijalankan pada 1 Disember 1993 dan keputusannya telah disampaikan pada 12 November 1994. Mahkamah ini berpendapat dan memutuskan bahawa prosiding dan keputusan inkues tersebut tidak sama sekali mengubah kedudukan tempoh bila kausa tindakan mula terakru dan bila tempoh had masa mula berjalan seperti yang dinyatakan di atas. Ini kerana prosiding inkues tersebut adalah merupakan satu prosiding yang berasingan dan tiada kaitan dengan tindakan sivil tuntutan plaintif terhadap defendan di dalam kes ini. Dalam lain perkataan, prosiding dan keputusan inkues tersebut bukan merupakan satu pra-syarat (condition precedent) kepada hak plaintif untuk memfailkan tuntutannya terhadap defendan. Prosiding dan keputusan inkues tersebut, mungkin berguna sebagai salah satu keterangan untuk membantu plaintif membuktikan kesnya terhadap defendan, tetapi bukan merupakan pra-syarat untuk memfailkan tuntutan ke mahkamah.

Begitu juga dengan hujahan plaintif yang mengatakan tindaklaku defendan menafikan tuntutan plaintif tanpa sebarang pembuktian yang kukuh telah dengan secara langsung atau tersirat menghentikan masa. Hujahan ini juga tidak bermerit dan tidak disokong oleh sebarang authoriti undang-undang dan oleh itu tidak dapat diterima. Penafian defendan terhadap tuntutan plaintif adalah merupakan permulaan kausa tindakan yang membolehkan plaintif memfailkan tuntutannya ke mahkamah. Soal pembuktian tidak timbul di peringkat itu. Soal pembuktian hanya timbul apabila tuntutan tersebut dibicarakan di mahkamah. Had masa mula berjalan sebaik sahaja defendan memfailkan tuntutan tersebut melalui suratnya bertarikh 21 Disember 1987.

Hujahan plaintif yang mengatakan melalui dokumen-dokumen yang dikemukakan adalah diperhatikan bahawa sepanjang tempoh yang material, defendan mengadakan beberapa perundingan dengan plaintif dan Bank Negara Malaysia dan dengan perundingan-perundingan tersebut seolah-olah defendan telah memberi harapan kepada plaintif bahawa tuntutan plaintif akan dilayan, juga tidak bermerit dan tidak dapat diterima oleh mahkamah. Defendan telah memplidkan isu had masa di dalam perenggan 17 penyata pembelaannya. Soal perundingan sebelum sesuatu tuntutan difailkan ke mahkamah tidak sama sekali mengubah kedudukan tempoh had masa seperti yang telah ditetapkan melalui prinsip-prinsip di atas. Lebih-lebih lagi di dalam kes ini, di mana kesemua dokumen-dokumen yang dirujuk oleh plaintif adalah merupakan dokumen-dokumen 'Tanpa Prejudis'.

Keputusan

Berdasarkan pertimbangan di atas, mahkamah ini memutuskan bahawa tindakan atau tuntutan plaintif yang difailkan pada 12 Mac 1997, adalah dihalang oleh had masa enam tahun seperti yang diperuntukkan di bawah

A s 6(1)(a) Akta Had Masa 1953. Oleh itu, mahkamah memutuskan tuntutan plaintif terhadap defendan ditolak dengan kos, tanpa perlu menimbangkan isu-isu lain yang ditimbulkan.

Tindakan plaintif ditolak.

B

Dilaporkan oleh Lim Lee Na

C

D

E

F

G

H

I